



**Persatuan Radio Amator Melayu Utara Semenanjung Malaysia
Kedah, Perlis, Pulau Pinang dan Perak Utara**

[The Malay Amateur Radio Society of Northern Peninsular Malaysia]

No Pendaftaran: PPM/K.1787/97(3) PPP/K. 114/97 626

UNDANG-UNDANG KECIL

Kandungan

01. Takrif
02. Pengambilan Ahli
03. Hak-Hak, Kewajipan Ahli dan Batasnya
04. Pembatalan, Pemecatan dan Penggantungan Menjadi Ahli
05. Pemilihan Jawatankuasa Pengurusan
06. Pembatalan, Pemecatan dan Penggantungan Jawatankuasa
07. Kuasa, Tugas dan Tanggungjawab Jawatankuasa
08. Perniagaan
09. Kesalahan Di Bawah Undang-Undang Negara
10. Tafsiran Undang-Undang Kecil
11. Pindaan Undang-Undang Kecil

Persatuan Radio Amator Melayu Utara Semenanjung Malaysia
Kedah, Perlis, Pulau Pinang dan Perak Utara
[The Malay Amateur Radio Society of Northern Peninsular Malaysia]
No Pendaftaran: PPM/K.1787/97(3) PPP/K. 114/97 626

UNDANG-UNDANG KECIL

1. Takrif

- 1.1 **AHLI** ertinya mereka yang mengisi borang permohonan menjadi ahli, membayar yuran masuk, membayar yuran tahunan dan kemudian diluluskan oleh Jawatankuasa PERSATUAN serta menerima Surat Ajuan Penerimaan Sebagai Ahli.
- 1.2 **JAWATANKUASA** ertinya Jawatankuasa Pengurusan yang dianggotai seramai SEBELAS (11) orang yang dipilih dalam Mesyuarat Agung Tahunan.
- 1.3 **PERAK UTARA** ertinya kawasan yang meliputi Bahagian Utara Negeri Perak yang bermula di Garis Lintang 4.32 Utara hingga ke Sempadan Negeri Perak dengan Negeri Kedah dan Negeri Pulau Pinang.

2. Pengambilan Ahli

- 2.1 PERSATUAN boleh:
 - a) Mengambil ahli yang berumur antara 15 hingga 18 tahun tetapi mestilah mendapat kebenaran secara bertulis dari ibu bapa atau waris ahli yang berkenaan. Bayaran yang dikenakan adalah seperti berikut:

Bayaran Masuk Menjadi Ahli = RM 10.00 seorang
Bayaran Yuran Tahunan = RM 10.00 seorang
 - b) Mengambil ahli dari mereka yang bukan orang Melayu dan bukan Bumiputera Islam tetapi mestilah beragama Islam.
 - c) Mengambil ahli dari mereka yang tinggal di luar negeri-negeri Kedah, Perlis, Pulau Pinang dan Perak Utara dengan syarat mereka sentiasa menerima, menunaikan dan mematuhi segala kehendak undang-undang dan perlembagaan PERSATUAN dari masa ke semasa, kecuali mereka tidak boleh memegang sebarang jawatan.
 - d) Bekerjasama dengan Institusi Pengajian Tinggi (Universiti, Maktab Perguruan, Institut dan Sekolah Menengah) untuk menubuhkan Kelab Radio Amator di tempat-tempat berkenaan serta menyediakan tenaga pengajar. Walau bagaimanapun PERSATUAN hendaklah mendapat surat akuan resmi dari pihak pentadbir badan-badan berkenaan terlebih dahulu.

3. Hak-Hak, Kewajipan Ahli dan Batasnya

- 3.1 Tiap-tiap orang ahli adalah berhak:
 - a) Menghadiri mesyuarat agung, mengundi, memberi buah fikiran, mencadang, menyuarakan bantahan dan menjadi pegawai dalam sebarang perkara yang perlu tetapi mestilah mengikut saluran yang sah.
 - b) Tiap-tiap ahli adalah berhak menggunakan segala kemudahan yang ada pada PERSATUAN kecuali terhad kepada syarat yang ditetapkan oleh JAWATANKUASA.

- 3.2 Ahli-ahli dikehendaki:
- a) Taat dan patuh kepada Undang-Undang Negara, Perlembagaan PERSATUAN dan Syarat Keahlian, Peraturan-Peraturan yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengurusan PERSATUAN serta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia dari masa ke semasa dengan maksud untuk melicinkan dan mempercekapkan perjalanan PERSATUAN.
 - b) Menjelaskan yuran tahunan, wang pendaftaran masuk dan lain-lain yang ditetapkan.
 - c) Sentiasa menjaga nama baik PERSATUAN, pegawai-pegawai serta ahli-ahli dan hendaklah menjauhkan diri dari apa-apa kelakuan yang salah di sisi masyarakat dan undang-undang negara serta dikehendaki tolong menolong antara satu sama lain dan sentiasa hormat menghormati.
 - d) Membantu dan menyokong apa-apa aktiviti dan kegiatan yang dijalankan oleh PERSATUAN.
 - e) Menjaga dan menyelamatkan apa-apa harta atau peralatan kepunyaan PERSATUAN dan yang ada pada kegunaannya serta bertanggungjawab sendiri atas segala kerugian PERSATUAN yang berbangkit daripada kecuaiannya menggunakan harta dan peralatan itu.
- 3.3 Tiap-tiap orang ahli yang berhenti dari PERSATUAN ini sama ada dengan kehendak sendiri atau dipecat oleh JAWATANKUASA, tidak langsung berhak menuntut sebarang faedah walau apa bentuk sekalipun dari PERSATUAN.
- 3.4 Seseorang ahli yang berhenti dari menjadi ahli PERSATUAN tidak kira atas apa sebab pun adalah dimestikan menjelaskan segala tunggakan dan tuntutan hutang yang dibuat oleh PERSATUAN ini dan menyerahkan kembali segala harta dan alat-alat PERSATUAN yang ada padanya.
- 3.5 Ahli-ahli PERSATUAN ini yang terpaksa meninggalkan PERSATUAN kerana berkhidmat di luar negeri (di luar negeri-negeri Kedah, Perlis, Pulau Pinang dan Perak Utara) atau atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan, boleh dibenarkan terus menjadi ahli kepada PERSATUAN ini dengan syarat mereka sentiasa menerima, menunaikan dan mematuhi segala kehendak undang-undang dan perlembagaan PERSATUAN dari masa ke semasa, kecuali mereka tidak boleh memegang sebarang jawatan.

4. Pembatalan, Pemecatan dan Penggantungan Menjadi Ahli

- 4.1 Seseorang Ahli PERSATUAN dianggap telah berhenti dari menjadi ahli:
- a) Jika ia berhenti atas permintaannya sendiri dengan syarat sekurang-kurangnya memberikan satu notis bertulis kepada Setiausaha Kehormat dalam tempoh dua (2) minggu terlebih dahulu dan menjelaskan segala hutangnya, atau
 - b) Jika ia tidak menjelaskan wang masuk menjadi ahli, wang yuran tahunan, atau
 - c) Jika ia tidak hadir sebanyak tiga (3) kali perjumpaan atau mesyuarat atau mana-mana gerakerja aktiviti yang dikelolakan oleh PERSATUAN, dan sebaliknya ahli hendaklah memberitahu sebab-sebab ia tidak dapat hadir supaya dapat dipertimbangkan oleh Jawatankuasa, atau
 - d) Jika ia telah melakukan sesuatu atau bertindak dengan cara yang menentang kebaikan dan pencapaian PERSATUAN sama ada secara nyata atau tidak nyata, tersirat membantah, menyekat dan mendinginkan kegiatan serta kemajuan PERSATUAN dan ahli-ahli, atau
 - e) Jika ia mengeluarkan kata-kata kesat, lucah, perkauman, menghina mana-mana agama, menyiarkan sebarang rakaman atau memancarkan secara terus menerus sebarang perbualan atau perkara-perkara yang tidak sihat yang mana dilakukan secara sengaja atau tidak sengaja bertujuan untuk menjejaskan atau menjatuhkan maruah, melaga-lagakan dan menimbulkan prasangka di kalangan AHLI atau lain-lain orang semasa berkomunikasi di udara, atau
 - f) Jika ia didapati telah melanggar Akta Pertubuhan 1966 dan Peraturan-Peraturan Pertubuhan 1984:
 - i. Telah sabit kesalahan di bawah undang-undang lain dan dihukum denda tidak kurang daripada RM2000.00 atau penjara tidak kurang daripada 1 tahun. (Hilang kelayakan ini terhenti apabila tamat tempoh 5 tahun dari tarikh dilepaskan daripada tahanan atau tarikh denda dikenakan); atau

- ii. Dikenakan perintah tahanan, sekatan, pengawasan, kediaman terhad, buang negeri atau pengusiran atau pencegahan jenayah; atau
 - iii. Menjadi bankrap yang belum dilepaskan; atau
 - iv. Tidak sempurna akal.
- g) Kesalahan-kesalahan yang melibatkan:
- i. Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, atau
 - ii. Akta Kastam dan Eksais DiRaja Malaysia, atau
 - iii. Kesalahan-kesalahan yang disabitkan dengan Kanun Keseksaan.
- 4.2 Mana-mana ahli yang gagal mematuhi undang-undang PERSATUAN atau bertindak dengan cara yang boleh mencemarkan nama baik PERSATUAN boleh digantung atau dipecat keahliannya atau apa-apa tindakan yang difikirkan sesuai oleh Jawatankuasa PERSATUAN. Akan tetapi sebelum tindakan diambil ahli tersebut hendaklah diberi peluang yang secukupnya bagi menjelaskan sebab-sebab dan membela diri di atas tuduhan terhadapnya. Tindakan tersebut hendaklah dijalankan melainkan Mesyuarat Agung membuat satu keputusan yang lain berdasarkan rayuan ahli tersebut.
- 4.3 Selain daripada Jawatankuasa PERSATUAN, Presiden juga setelah berbincang dengan Setiausaha Kehormat apabila pada fikirannya difikirkan perlu boleh menggantung buat sementara waktu mana-mana ahli untuk tempoh tidak lebih daripada 90 hari (3 bulan) sebelum apa-apa tindakan lain disahkan oleh Jawatankuasa PERSATUAN. Jika dalam tempoh tersebut, Presiden juga setelah berbincang dengan Setiausaha Kehormat adalah berhak untuk menarik balik penggantungan tersebut sekiranya ada sebab-sebab yang munasabah untuk berbuat demikian.
- 4.4 Permohonan untuk menjadi ahli semula dari ahli-ahli yang telah diberhentikan atau berhenti dengan sukarelanya tidak akan dilayan kecuali dalam keadaan luar biasa.

5. Pemilihan Jawatankuasa Pengurusan

- 5.1 Ahli Jawatankuasa Pengurusan merangkumi Presiden, Naib Presiden 1, Naib Presiden 2, Setiausaha Kehormat, Penolong Setiausaha Kehormat, Bendahari Kehormat dan 5 orang Ahli Jawatankuasa dipilih dalam Mesyuarat Agung Tahunan dari kalangan Ahli Biasa yang mempunyai Lesen Radio Amator Kelas A atau Kelas B.
- 5.2 Ahli Biasa yang layak dipilih untuk memegang jawatan dalam JAWATANKUASA ialah:
- a) Mereka yang telah menjadi Ahli PERSATUAN selama TIDAK kurang dari TIGA (3) TAHUN bermula dari tarikh kuatkuasa penerimaan mereka sebagai Ahli PERSATUAN.
 - b) Tinggal atau menetap dalam negeri-negeri Kedah, Perlis, Pulau Pinang dan Perak Utara.

6. Pembatalan, Pemecatan dan Penggantungan Jawatankuasa

- 6.1 Ahli Jawatankuasa dianggap berhenti atau hilang kelayakan menjadi Ahli Jawatankuasa:
- a) Jika dia meletak jawatan atas kehendaknya sendiri; atau
 - b) Jika dia mungkir menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa sebanyak 3 kali berturut-turut tanpa alasan yang memuaskan; atau
 - c) Jika dia dipecat oleh Presiden dan Jawatankuasa atas sebab-sebab yang boleh merosakan nama baik serta maruah Ahli-Ahli, Pegawai-Pegawai dan Persatuan; atau
 - d) Jika dia didapati telah melakukan sesuatu atau bertindak dengan cara yang sama ada nyata atau tidak nyata, tersirat membantah, menyekat dan mendinginkan kegiatan serta kemajuan dan menentang kebaikan serta pencapaian tujuan-tujuan PERSATUAN untuk kebaikan ahli-ahli; atau

- e) Jika ia mengeluarkan kata-kata kesat, lucah, perkauman, menghina mana-mana agama, menyiarkan sebarang rakaman atau memancarkan secara terus menerus sebarang perbualan atau perkara-perkara yang tidak sihat yang mana dilakukan secara sengaja atau tidak sengaja bertujuan untuk menjejaskan atau menjatuhkan maruah, melaga-lagakan dan menimbulkan prasangka di kalangan AHLI atau lain-lain orang semasa berkomunikasi di udara, atau
 - f) Jika ia didapati telah melanggar Akta Pertubuhan 1966 dan Peraturan-Peraturan Pertubuhan 1984:
 - i. Telah sabit kesalahan di bawah undang-undang lain dan dihukum denda tidak kurang daripada RM2000.00 atau penjara tidak kurang daripada 1 tahun. (Hilang kelayakan ini terhenti apabila tamat tempoh 5 tahun dari tarikh dilepaskan daripada tahanan atau tarikh denda dikenakan); atau
 - ii. Dikenakan perintah tahanan, sekatan, pengawasan, kediaman terhad, buang negeri atau pengusiran atau pencegahan jenayah; atau
 - iii. Menjadi bankrap yang belum dilepaskan; atau
 - iv. Tidak sempurna akal.
 - g) Kesalahan-kesalahan yang melibatkan:
 - i. Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, atau
 - ii. Akta Kastam dan Eksais DiRaja Malaysia, atau
 - iii. Kesalahan-kesalahan yang disabitkan dengan Kanun Keseksaan.
 - h) Jika ia secara sengaja atau tidak sengaja membocorkan sebarang maklumat mengenai sebarang perkara mengenai PERSATUAN ini kepada lain-lain orang yang tidak sepatutnya mengetahui maklumat berkenaan, yang mana tindakan itu boleh menjejaskan PERSATUAN ini dan AHLI-AHLI.
- 6.2 Dalam pengosongan jawatan sama ada berlaku kematian atau meletak jawatan, calon yang kedua mendapat undi terbanyak dalam pemilihan Mesyuarat Agung yang lalu hendaklah dipanggil untuk diisi kekosongan tersebut. Jika calon tersebut tidak ada atau menolak jawatan tersebut, maka berkuasalah bagi Jawatankuasa melantik ahli yang lain memenuhi jawatan tersebut sehingga Mesyuarat Agung Tahunan diadakan.

7. Kuasa, Tugas dan Tanggungjawab Jawatankuasa

- 7.1 Bertanggungjawab kepada segala keputusan yang telah dibuat dalam Mesyuarat Agung dalam perkara pengelolaan dan mengaturkan kerja harian PERSATUAN serta membuat keputusan atas perkara mengenai perjalanan PERSATUAN dengan tidak terkeluar dari dasar yang ditetapkan.
- 7.2 Menjalankan arahan atau keputusan yang dibuat oleh Presiden atau Jawatankuasa dan menjalankan tugas mengikut bahagian tugas masing-masing serta menyediakan dan membentangkan laporan berkenaan dengan kegiatan bahagian masing-masing kepada Jawatankuasa dan juga Mesyuarat Agung.
- 7.3 Jawatankuasa hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam 3 bulan atau pada bila-bila masa yang kerap atau jika difikirkan perlu oleh Presiden dengan bersendirian atau dipanggil tidak kurang 6 orang atau lebih Ahli Jawatankuasa untuk membincangkan sesuatu perkara yang tertentu. Notis mengenai Mesyuarat Jawatankuasa hendaklah dikeluarkan dalam tempoh sekurang-kurangnya 7 hari dari tarikh mesyuarat.
- 7.4 Korum bagi semua Mesyuarat Jawatankuasa mestilah dihadiri oleh sekurang-kurangnya 1/2 daripada bilangan Ahli Jawatankuasa.
- 7.5 Jika timbul perkara mustahak yang berkehendakkan kelulusan Jawatankuasa dan Mesyuarat Jawatankuasa tidak dapat diadakan, maka Setiausaha Kehormat bolehlah mendapatkan kelulusan daripada Ahli Jawatankuasa dengan surat perkeliling.
- 7.6 Jawatankuasa juga boleh memberi arahan kepada Setiausaha Kehormat dan Pegawai-Pegawai Lain untuk menjalankan urusan PERSATUAN dan melantik Pengurus-Pengurus dan Kakitangan-Kakitangan yang difikirkan mustahak. Ia juga boleh menggantung dan melucutkan jawatan Pengurus-Pengurus dan Kakitangan-Kakitangan kerana cuai dalam tugas, curang, tidak cekap, engkar menjalankan keputusan Jawatankuasa atau kerana sebab-sebab yang difikirkan merosakkan kepentingan PERSATUAN.

- 7.7 Jawatankuasa boleh menubuhkan Jawatankuasa-Jawatankuasa Kecil jika difikirkan perlu dan memberi kewajipan-kewajipan khas kepada sebarang Ahli atau Ahli Jawatankuasa.
- 7.8 Menubuhkan Jawatankuasa Tatatertib untuk mengadili kes-kes ahli yang dituduh melanggar kesopanan, tatatertib, Undang-undang dan Perlembagaan PERSATUAN. Jika didapati ahli itu bersalah ianya hendaklah dibawa kepengetahuan Presiden dan Jawatankuasa untuk tindakan selanjutnya. Jawatankuasa berkuasa untuk memecat ahli berkenaan setelah didapati bersalah oleh Jawatankuasa Tatatertib. Jawatankuasa juga boleh bertindak atau mengambil keputusan tindakan disiplin terhadap pegawai-pegawai PERSATUAN.
- 7.9 Semua Ahli Jawatankuasa hendaklah sentiasa berusaha:
- a) Mengadakan sebarang rancangan menambah kewangan PERSATUAN yang sah di sisi undang-undang. Mencari dan mentadbir segala wang, sama ada dicari, diderma, dikurnia, yuran atau yang diterima dari sebarang punca atau perniagaan yang sah untuk kemajuan dan kemanfaatan PERSATUAN dan ahli-ahli.
 - b) Merancang, mengatur, melaksanakan dan membuat segala yang sepatutnya untuk mencapai kemajuan PERSATUAN dan tujuannya.
 - c) Mengurus, memikir dan berusaha mencari jalan dan memberi fikiran untuk memajukan PERSATUAN.
- 7.10 Jawatankuasa adalah berhak dari masa ke semasa untuk menganjurkan apa-apa aktiviti kepada ahli-ahli atau sebahagian yang dipilih oleh Jawatankuasa PERSATUAN dan boleh menguruskan mesyuarat atau pertunjukan atau perhimpunan atau latihan atau persidangan dan lain-lain gerakerja bagi pihak PERSATUAN.
- 7.11 Menyediakan satu laporan berkenaan dengan aktiviti yang telah dijalankan untuk kajian kemajuan dan pencapaian yang didapati dari aktiviti tersebut.
- 7.12 Melulus atau mengesahkan pengambilan ahli atau permohonan ahli baru dari masa ke semasa.
- 7.13 Menguruskan mengikut kehendak undang-undang, sebarang perbalahan mengenai keahlian dalam PERSATUAN dengan bijaksana sama ada menerima semula, menggantung atau membuang mereka dari menjadi ahli, asalkan tindakan yang diambil mengikut undang-undang serta mendapat kebenaran, persetujuan dan dalam pengetahuan Presiden.
- 7.14 Membatalkan sebarang projek atau mengarahkan dijalankan sebarang projek PERSATUAN yang difikirkan mendatangkan keburukan atau kerugian dan atau yang boleh menguntungkan PERSATUAN.
- 7.15 Memelihara semua perhubungan persahabatan dengan lain-lain PERSATUAN dan badan sukarela yang diakui.
- 7.16 Mengambil tindakan ke atas sebarang perkara lain sebagaimana yang dikehendaki dalam UNDANG-UNDANG atas nasihat Presiden.
- 7.17 Dalam sesuatu perkara yang berlainan pendapat di antara ahli Jawatankuasa, maka keputusan itu hendaklah diundi dan undi Presiden atau Pengerusi Mesyuarat atau sesiapa sahaja yang mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa ketika itu, adalah undi pemutus.
- 7.18 Bertanggungjawab memberi sokongan dan kerjasama yang sepatutnya kepada semua keputusan-keputusan yang telah dibuat dalam Mesyuarat Agung dan Mesyuarat Jawatankuasa.
- 7.19 Tidak boleh melakukan atau bertindak dengan cara yang sama ada nyata atau tidak, tersirat membantah, menyekat dan mendinginkan kegiatan dan kemajuan PERSATUAN.
- 7.20 Jawatankuasa PERSATUAN juga boleh mengadakan, mengubah atau membatalkan undang-undang kecil jika apa-apa perkara yang tidak terdapat dalam Perlembagaan tidak dapat dikuatkuasakan bagi menyesuaikan dengan apa-apa peraturan lain atau untuk kebaikan PERSATUAN. Undang-undang kecil tersebut hendaklah diedarkan kepada AHLI dalam tempoh 30 hari untuk semakan. Ahli-ahli yang jumlahnya tidak kurang dari 1/2 orang daripada jumlah ahli-ahli yang sah dan tidak berpuashati bolehlah memberi notis kepada Setiausaha Kehormat supaya memanggil Mesyuarat Agung Khas bagi memutuskan atau mengesahkan ataupun membatalkan undang-undang kecil tersebut. Jika dalam tempoh 30 hari tersebut Setiausaha Kehormat PERSATUAN tidak menerima apa-apa permintaan daripada ahli-ahli maka undang-undang tersebut bolehlah berkuatkuasa sepenuhnya sebagai undang-undang kecil.

8. Perniagaan

- 8.1 PERSATUAN ini boleh menjalankan perniagaan dengan menubuhkan syarikat perniagaan secara sah yang mana segala hasil keuntungan hendaklah digunakan untuk kepentingan, pembangunan serta kemajuan PERSATUAN dan ahli-ahli.
- 8.2 Keputusan untuk menubuhkan syarikat perniagaan hendaklah diputuskan dalam Mesyuarat Agung.
- 8.3 Sesiapa yang memegang jawatan Presiden PERSATUAN hendaklah secara otomatis menjadi Pengerusi Lembaga Pengarah syarikat.

9. Kesalahan Di Bawah Undang-Undang Negara

- 9.1 PERSATUAN ini tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kesalahan yang melibatkan undang-undang negara yang mungkin melibatkan mana-mana AHLI.
- 9.2 PERSATUAN ini juga tidak bertanggungjawab ke atas mana-mana AHLI yang Lesen Radio Amator yang dikeluarkan kepadanya di tarik balik, digantung atau sebagainya bersabit dengan kecuaiian atau menyalahgunakan Lesen Radio Amator berkenaan.

10. Tafsiran Undang-Undang Kecil

- 10.1 Di antara berlangsungnya Mesyuarat Agung, Jawatankuasa boleh memberi tafsirannya kepada undang-undang kecil ini dan Jawatankuasa, jika mustahak, boleh memutuskan perkara-perkara yang tidak terkandung di dalam undang-undang kecil ini.
- 10.2 Kecuali perkara-perkara yang bertentangan atau tidak selaras dengan dasar yang telah dibuat dalam Mesyuarat Agung, keputusan Jawatankuasa muktamad, jika tidak diubah oleh keputusan Mesyuarat Agung.

11. Pindaan Undang-Undang Kecil

Undang-undang Kecil ini tidak boleh diubah atau dipinda kecuali dengan keputusan Mesyuarat Agung Khas dan dengan sokongan 2/3 dari jumlah ahli yang berhak mengundi pada masa Mesyuarat Agung Khas berkenaan hendak diadakan.

Azmi b Abdullah
Presiden

Ahmad Kamel b Kasim
Setiausaha Kehormat

Bertarikh: 29 Mei 1999